

Ulasan Buku (Book Review)

Lamia Rustum Shehadeh (2007). *The Idea of Women in Fundamentalist Islam*. Gainesville: University Press of Florida. 321 Halaman. [ISBN 978-0-8130-3211-5]

Nur Saadah Hamisan @ Khair*

The Idea of Women in Fundamentalist Islam ialah karya tulisan Lamia Rustum Shehadeh, penulis yang berasal daripada Beirut, Lubnan. Beliau memegang jawatan sebagai Naib Presiden Kelab Harvard di Lubnan dan aktif dalam isu-isu wanita dengan menjadi pengasas bagi Center for Women-in-Crisis di bawah kelolaan Young Women Christian Association (Beirut). Sebelum menulis buku ini, beliau telah menulis sebuah buku yang bertajuk *Women and War in Lebanon* yang telah diterbitkan pada tahun 1999. Beliau juga menulis artikel-artikel lain yang pernah diterbitkan dalam beberapa jurnal antarabangsa. Bapanya merupakan seorang ahli pengkaji sejarah yang terkenal dalam bidang Gereja Ortodok Antioch, iaitu Asad Rustum (1879-1965) yang menulis pelbagai buku termasuklah *The Church of the City of God Great Antioch*, *Materials for a corpus of Arabic documents relating to the history of Syria under Mehemet Ali Pasha*, dan lain-lain.

Karya yang telah diterbitkan pada tahun 2007 ini mengandungi 321 halaman. Ia telah dibahagikan kepada 11 bab yang dimulai dengan pendahuluan dan diakhiri dengan kesimpulan. Sembilan bab di dalamnya dikhususkan kepada tokoh-tokoh Islam yang dikatakan membawa pandangan *fundamentalism* terhadap wanita. Mereka adalah Hasan al-Banna, Abu al-'A'la al-Mawdudi, Sayyid Qutb, Ayatollah Ruhollah Khomeini, Ayatollah Mortaza Mutahhari, Zaynab al-Ghazali, Hasan al-Turabi, Rashid al-Ghannoushi, dan Sheikh Hussein Fadlallah. Walaupun demikian, sebelum Bab Pendahuluan, terdapat tiga halaman yang mengandungi prakata sebagai pengenalan kepada isu yang akan diketengahkan oleh penulis. Ia mengandungi pandangan penulis yang menyatakan bahawa terdapat lambakan rujukan tentang istilah '*fundamentalism*' dan kaitannya dengan Islam dan isu wanita. Beliau berpendapat bahawa terma ini mempunyai impak yang besar sama ada dari sudut yang negatif dan juga positif ke atas peranan wanita dalam aspek politik dan sosio-ekonomi. Oleh yang demikian, beliau ingin mengkaji wacana beberapa tokoh penting yang mempunyai pengaruh mereka tersendiri dalam masyarakat serta pandangan mereka terhadap kedudukan wanita dalam Islam. Kajian ini juga mengambil kira teori gender dan kaitannya dengan pandangan konservatif Islam, merungkaikan beberapa salah faham yang terdapat dalam golongan yang digelar sebagai '*Islamic fundamentalist*', dan mengkritik pandangan mereka khususnya terhadap wanita. Prakata ini diakhiri dengan penghargaan penulis kepada beberapa pihak termasuklah institusi-institusi, insan-insan yang memberi inspirasi dalam penulisan beliau, dan ahli keluarga penulis yang telah banyak memberi sokongan dalam menghasilkan penulisan buku ini.

Bab 1 merupakan Bab Pendahuluan sebagai permulaan yang penting dalam membincangkan definisi dan sejarah ideologi '*fundamentalism*' dari beberapa perspektif yang berbeza. Menurut penulis, ideologi ini telah berkembang di serata dunia dengan mensasarkan kepada agama kerana ia mempunyai peranan yang penting dalam hal ehwal dalam negeri, serantau dan antarabangsa. Adapun istilah *fundamentalisme* ini jika dikaitkan dengan Islam, akan membawa kepada makna yang pelbagai. Ia sukar diterjemahkan secara literal ke dalam bahasa Arab, kerana *usuliyyah* tidak membawa maksud sebenar. Oleh itu, dua istilah bahasa Arab yang hampir sama tetapi berbeza yang boleh digunakan bagi istilah '*fundamentalism*' ialah *salafiyyah* dan *islamiyyah* tetapi kedua-duanya juga mempunyai definisi yang subjektif.

Bab 2 mengupas tokoh fundamentalis yang pertama iaitu Hasan al-Banna (1906 – 1949) yang dimulakan dengan latar belakang serta penglibatan beliau dalam politik dengan penubuhan gerakan Ikhwan al-Muslimin. Sumbangan al-Banna dalam gerakan Islam tidak dapat dinafikan dan telah memberi pengaruh yang besar kepada beberapa pemikir yang lain seperti Muhammad Abduh, al-Afghani, dan Rashid Rida. Namun begitu, penulis menekankan bahawa pandangan al-Banna terhadap kedudukan wanita bersifat tradisional di mana peranan utama wanita adalah pengurusan rumahtangga.

* Nur Saadah Hamisan @ Khair (PhD), Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. Email: saadahkhair@usim.edu.my.

Urusan luar rumah bagi wanita mestilah berlandaskan syariah kerana wanita juga tidak dinafikan haknya untuk menyertai Ikhwan al-Muslimin dan memberi sumbangan yang sesuai dengan fitrah mereka sebagai wanita. Penulis berpandangan bahawa al-Banna gagal meletakkan kepentingan wanita berdasarkan perspektif al-Quran, malah tidak berusaha untuk mengubah tradisi yang memisahkan peranan wanita di dalam dan luar rumah.

Bab 3 membahaskan seorang tokoh Pakistan iaitu Abu al-A'la al-Mawdudi (1903 – 1979) yang digelar penulis sebagai “pemikir yang sistematik dan penulis prolific”. Latar belakang beliau serta sumbangan besar beliau dikupas secara terperinci kerana ia penting dalam mempengaruhi pandangan peribadi beliau terhadap wanita dalam konteks fundamentalis. Al-Mawdudi telah menulis lebih daripada 70 buah buku serta artikel ilmiah yang merangkumi pelbagai aspek termasuklah kajian al-Quran dan hadis, undang-undang, ekonomi, falsafah, dan lain-lain. Beliau juga banyak mengupas isu-isu gender yang kemudiannya banyak menimbulkan kontroversi kerana pandangan konservatif beliau banyak menyekat hak dan kebebasan wanita. Menurut al-Mawdudi, tanggungjawab domestik bagi wanita jelas dinyatakan di dalam al-Quran, dan hadis juga menyokong bahawa wanita hanyalah pengikut dan tidak dibenarkan menjadi pemimpin. Penulis mendapati bahawa ada beberapa pandangan yang dibawa oleh al-Mawdudi tidak selari dengan al-Quran seperti kewajipan berpurdah bagi wanita dan lain-lain isu yang mengandungi percanggahan pandangan dalam kalangan ulama sendiri. Malah, penulis mengkritik usaha al-Mawdudi dalam menggunakan ijtihad khas berkaitan isu wanita mempengaruhi pengikutnya hanya untuk mengamalkan taqlid berbanding ijtihad.

Sayyid Qutb (1906 – 1966) adalah tokoh seterusnya yang dibincangkan secara terperinci di dalam Bab 4. Berasal daripada Mesir dan bergraduasi daripada Universiti al-Azhar. Beliau telah menghasilkan 24 buah buku beserta artikel dan puisi yang merangkumi pelbagai aspek seperti tafsir al-Quran, keadilan sosial, sosiologi agama, dan Islam dan Barat. Sebahagian hasil penulisan beliau juga telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, German, Perancis, Turki dan lain-lain. Pemikiran Qutb banyak dipengaruhi oleh pemikir modernis seperti Taha Hussayn, Abbas al-Aqqad dan Ahmad al-Zayyat. Malah dikatakan bahawa penulisannya banyak menjawab isu-isu yang berkaitan sekularisasi dan ideologi Barat. Akan tetapi, menurut penulis, pandangan Qutb terhadap wanita banyak merujuk kepada data saintifik yang membezakan fitrah dan biologi antara lelaki dan wanita. Baginya, peranan utama wanita adalah dalam isu penjagaan moral dan pendidikan anak-anak kerana ia selari dengan fitrah wanita sebagai sumber kebahagiaan rumahtangga. Tambahan itu, Qutb menyatakan bahawa hak wanita yang dibawa oleh Islam adalah lebih baik daripada hak wanita yang diperjuangkan oleh Barat. Ini kerana Islam mengambil berat akan fitrah kejadian seseorang wanita dan telah banyak membawa perubahan positif dalam memelihara hak wanita. Menariknya, Qutb menegaskan bahawa tiada perbezaan dalam kesamarataan antara lelaki dan wanita, kerana tiada yang lebih berkuasa melainkan setiap dari satunya memiliki tanggungjawab dna fitrah yang berbeza. Penulis berpendapat bahawa Qutb mempunyai sedikit persamaan dengan al-Banna yang lebih mementingkan gerakan Islam berbanding kepentingan peribadi mereka, ini berbeza dengan al-Mawdudi yang mendedikasikan sebahagian besar dirinya kepada perihal peranan wanita dalam masyarakat Islam. Tetapi pandangan Qutb yang menyokong peranan wanita dalam aspek domestik adalah sama seperti mana yang ditekankan oleh al-Mawdudi.

Bab 5 membicarakan tentang Ayatollah Ruhollah Khomeini (1902 – 1989) yang merupakan salah seorang pemimpin ternama di Iran. Penulis memulakan bab ini dengan mengupas sedikit latar belakang revolusi Iran dan gerakan syiah di Iran. Menurut beliau, Khomeini adalah salah satu contoh tokoh yang terhasil daripada revolusi dalam pembentukan negara Islam. Banyak perubahan yang telah berlaku ketika revolusi dijalankan termasuklah peranan dan penglibatan wanita yang dijanjikan kesamarataan, keadilan dan juga kebebasan seperti mana yang telah ditekankan di dalam Islam. Adapun begitu, selepas kepulangan Khomeini ke Iran pada tahun 1979, semua kebebasan yang diberikan kepada wanita ditarik semula dengan mewajibkan hijab kepada wanita, memecat semua hakim wanita, menyekat kemasukan wanita ke sekolah tinggi, dan tiada wanita bebas untuk berada di tempat umum. Khomeini juga mengawal wanita secara patriarki dalam aspek psikologi, ekonomi, agama, dan juga fizikal. Beliau juga menegaskan untuk kembali kepada amalan yang melarang wanita untuk memiliki harta sendiri. Walaupun demikian, penulis menjawab persoalan mengapa Khomeini masih ramai penyokong wanita walaupun wanita di Iran berhadapan dengan diskriminasi. Ini adalah kerana Khomeini menjanjikan bahawa kewajipan menguruskan para wanita dan isteri adalah terletak ke atas tanggungjawab para lelaki. Lelaki berperanan utama terhadap kehidupan seorang wanita khususnya apabila si isteri adalah

sepenuhnya milik suami dalam apa jua keadaan. Adapun begitu, penulis berpandangan bahawa bukan sahaja kaum wanita tetapi kaum lelaki di bawah pemerintahan Khomeini mendapati diri mereka tercabar-cari identiti nasional dan peranan gender yang terhasil dari revolusi ini. Namun, Khomeini berjaya mewujudkan negara Islam yang ideal bagi pengikutnya dengan menerapkan ajaran berdasarkan perspektif beliau.

Selain Khomeini, seorang lagi tokoh daripada Iran iaitu Ayatollah Mortaza Mutahhari (1920 – 1979) dibincangkan dalam Bab 6. Mutahhari bermula sebagai pengikut Khomeini dengan menyertai pemberontakan yang dijalankan pada tahun 1963. Bukan itu sahaja, beliau merupakan wakil dan penghubung kepada Khomeini dan menjadi sahabat baik bagi merealisasikan impian revolusi di Iran. Walau bagaimanapun, Mutahhari terbunuh pada 1 Mei 1979 dan hari kematiannya diberi satu penghormatan oleh Khomeini sebagai hari berkabung nasional. Pemergian Mutahhari meninggalkan banyak sumbangan termasuklah lebih 30 buku dan artikel, malah dianggap sebagai pemikir, ahli falsafah, dan hakim yang berjaya. Pandangan Mutahhari terhadap isu wanita banyak dicatatkan melalui penulisan, antaranya ialah artikel yang diterbitkan dalam *Zane Rooz* (Wanita Hari Ini), di mana beliau menyokong undang-undang Syariah dan mengesahkan ideologi Barat dalam mempertahankan hak wanita. Menurut Mutahhari, kesamarataan jantina tidak boleh dinilai berdasarkan perbezaan ideologi di antara lelaki dan wanita, malah setiap dari mereka mempunyai tanggungjawab dan peranan yang berbeza. Mutahhari mengupas juga hak wanita dari aspek perkahwinan, kekeluargaan, poligami, dan mempunyai hujah yang sangat panjang berkaitan hijab, *jilbab* dan *khimar*. Penulis berpandangan bahawa Mutahhari menganggap wanita sebagai inferior berbanding lelaki, tetapi tidak berusaha untuk menambah-baik peranan kaum wanita. Penulis juga mengkritik Mutahhari yang memberikan hak eksklusif kepada kaum lelaki sahaja, malah pandangan Mutahhari adalah bersifat tradisional yang berbeza dengan pandangan Khomeini dan al-Mawdudi yang bersifat lebih moden dan rasional.

Dalam Bab 7, penulis telah membincangkan satu-satunya wanita yang dianggapnya sebagai 'fundamentalis' iaitu Zaynab al-Ghazali (1917 – 2005). Disebabkan pengalaman, kedudukan dan hubungan beliau dengan Ikhwan al-Muslimin di Mesir, beliau boleh dianggap sebagai sebuah ideologi dan pola utama bagi wanita Islamis dan fundamentalis. Latar belakang Zaynab telah dibincangkan secara ringkas di mana beliau bermula sebagai guru agama, dan kemudian menyertai gerakan wanita yang dipimpin oleh Huda Sya'rawi. Kemudian Zaynab menarik diri dari gerakan tersebut dan menubuhkan gerakan lain yang diberi nama *Jama'at al-Sayyidah al-Muslimat* pada tahun 1935 ketika beliau berumur 18 tahun. Kehidupan rumahtangga Zaynab juga dimuatkan oleh penulis dalam bab ini, dan beliau memegang prinsip bahawa Islam tidak menghalang penglibatan wanita dalam apa jua bidang selagi mana seorang wanita mampu menjalankan tanggungjawabnya sebagai ibu dan isteri dengan sempurna. Penulis melihat Zaynab sebagai seorang wanita yang berani dan berdikari, namun perjuangan sebenar beliau bukanlah kesaksamaan jantina, tetapi penubuhan negara Islam di mana semua rakyat tanpa mengira jantina mendapat hak yang saksama. Pandangan Zaynab juga tidak selari dengan gerakan sekular mahupun feminis kerana beliau memegang prinsip yang tersendiri dalam memperjuangkan hak wanita.

Bab 8 memilih tokoh daripada Sudan iaitu Hassan al-Turabi (1932 – 2016). Awal bab ini memfokuskan perbincangan kepada latar belakang dan pendidikan al-Turabi. Beliau digambarkan sebagai seorang 'arkitek' bagi proses islamisasi di Sudan yang mempunyai daya intelektual yang tinggi, fasih dalam pelbagai bahasa, meyumbang dalam aspek politik dan sosio-ekonomi, tetapi juga dilihat sebagai pemikir yang kontroversial. Pada tahun 1975, al-Turabi menyokong advokasi terhadap pembebasan wanita daripada segala bentuk penindasan sama ada daripada tradisi Islam yang konservatif ataupun pengaruh Barat. Menurut beliau, Islam perlu dipandang secara adil dalam memelihara hak-hak wanita kerana masalah utama yang menindas wanita adalah disebabkan oleh interpretasi yang salah untuk menghadkan peranan wanita dalam aspek tertentu sahaja. Oleh itu, beliau menyokong bahawa wanita perlu diberikan kebebasan untuk melibatkan diri dalam pelbagai aspek. Penulis menganggap al-Turabi sebagai pejuang dalam emansipasi wanita yang berbeza dengan tokoh yang lain seperti Qutb, al-Mawardi, Khomeini dan Mutahhari. Al-Turabi juga dipuji oleh penulis kerana pemikiran beliau yang dipengaruhi Barat, liberal dan moden dalam memperjuangkan hak-hak wanita. Namun begitu, beliau mengkritik al-Turabi kerana tidak konsisten dalam menyeimbangkan perjuangannya secara teori dan praktikal yang berpunca daripada pandangan konservatif yang masih wujud terhadap peranan wanita dalam masyarakat.

Bab 9 memuatkan Rashid al-Ghannoushi (1941 – kini) yang merupakan seorang tokoh penting yang menerajui parti politik Islamis di Tunisia. Beliau satu-satunya tokoh di dalam buku ini yang masih hidup dan dipilih oleh penulis untuk menyelongkar pandangan beliau terhadap isu wanita. Seperti al-Turabi, al-Ghannoushi memperjuangkan hak-hak wanita dan menyokong kesaksamaan gender dan menolak diskriminasi gender. Menurut penulis, al-Ghannoushi berpandangan bahawa wanita perlu diberikan perhatian kerana mempunyai peranan penting dalam keluarga dan masyarakat. Wanita mestilah berpendidikan, boleh menentukan nasib sendiri, serta boleh menyumbang kepada masyarakat dalam aspek sosial, politik, pendidikan dan agama. Disebabkan itu, beliau bersetuju bahawa kaum wanita juga diperlukan dalam gerakan Islam dan membenarkan untuk wanita memegang jawatan yang tinggi, dengan mengambil contoh beberapa tokoh wanita Islam yang berkepimpinan tinggi seperti Aishah, al-Hurrah al-Sulayhiyyah dan lain-lain. Dalam masa yang sama, beliau juga menegaskan bahawa wanita menjadi mangsa penindasan disebabkan oleh kekeliruan di antara pegangan Islam yang benar dan juga kepercayaan yang berasaskan tradisi dan budaya. Namun demikian, penulis menilai bahawa pandangan al-Ghannoushi terhadap konsep kebebasan untuk wanita yang diperjuangkannya masih dalam kerangka tradisional seperti mana al-Turabi. Ini adalah kerana al-Ghannoushi menggunakan kaedah yang kelihatan mesra dalam konsep kesaksamaan gender tetapi dalam masa yang sama menginterpretasi sumber Islam secara konservatif, dan disebabkan itu penulis meletakkan beliau sebagai golongan fundamentalis yang berfikiran kritis terhadap wanita kerana perlu menyerahkan wang pendapatan mereka kepada suami.

Seterusnya, Bab 10 membincangkan tokoh yang terakhir iaitu Sheikh Hussein Fadlallah (1935 – 2010). Beliau merupakan ulama syiah daripada Lubnan yang dilahirkan di Najaf, Iraq dan berasal daripada keturunan yang dikatakan sampai ke nasab Saidina Ali bin Abu Talib. Di samping penglibatan beliau dalam politik, beliau juga menulis buku serta menyampaikan syarahan agama. Kebanyakan pandangan beliau dipengaruhi oleh golongan Islamis seperti Hasan al-Bana dan Sayyid Qutb, dan juga golongan revolusioner seperti Franz Fanon dan Karl Marx. Disebabkan itu, beliau banyak menekankan aspek modernisasi dalam pembangunan Islam dan penyatuan umat Islam. Namun begitu, penulis berpendapat bahawa Fadlallah mementingkan kepercayaan yang dipegang dalam kumpulan syiah sama dengan Khomeini, serta berjuang menentang kezaliman. Bagi Fadlallah, dominasi lelaki wujud sebagai amalan disebabkan oleh dalil-dalil al-Quran dan hadis yang meletakkan kedudukan wanita rendah berbanding lelaki dalam beberapa perkara. Lelaki dan wanita berkongsi roh yang sama, tetapi mereka mempunyai peranan dan tanggungjawab yang berbeza. Tugas hakiki seorang isteri adalah melayani suami, dan hubungan suami isteri mestilah melalui pernikahan yang sah. Walaupun beliau nampak terbuka dalam membahaskan hak wanita, tetapi penulis mengkritik amalan patriarki yang masih wujud di atas kegagalan menyeimbangkan di antara modernisasi dan liberalisasi dan juga pandangan konservatif yang telah diamalkan bertahun-tahun. Penulis berpandangan bahawa perjuangan modernisasi yang disebut Fadlallah hanyalah bersifat luaran sama seperti al-Turabi kerana perbincangan tentang wanita dan gender masih di takuk yang lama.

Penulis menyimpulkan pandangan beliau terhadap sembilan tokoh yang mempunyai pandangan mereka tersendiri terhadap peranan dan tanggungjawab wanita dalam Bab 11. Menurutnya, terdapat tiga elemen yang boleh dikenal pasti melalui perbincangan sebelum ini. Pertama, kehidupan domestik yang menjadi peranan utama wanita. Kedua, perbezaan gender yang meliputi fizikal, fisiologi, biologi, dan psikologi perlu dipandang secara universal, tetapi mempunyai persamaan dalam aspek spiritual. Ketiga, elemen bahaya yang menjadi fitrah kepada wanita. Menurut penulis, kesemua tokoh mempunyai pandangan yang hampir sama di mana wanita tidak mempunyai kedudukan yang rendah berbanding kaum lelaki, tetapi mereka berbeza dan diciptakan dengan fungsi yang istimewa dalam aspek kehidupan. Ini menunjukkan bahawa kaum lelaki adalah sebenarnya yang bergantung kepada kaum wanita di atas dasar keupayaan wanita yang menjalankan banyak fungsi penting termasuklah menjinakkan keinginan seksual. Sadisnya, imej wanita ideal yang dibicarakan para fundamentalis ini bukan sahaja dalam kerangka agama, tetapi menjadi bahan perbincangan dari sudut politik, sosial dan ekonomi. Disebabkan hal tersebut, isu berkaitan wanita masih dikawal oleh isu politik-agama dan agak sukar dibebaskan. Bab akhir ini juga merangkumi pandangan peribadi penulis terhadap kesemua tokoh yang telah dibincangkan di dalam bab-bab sebelumnya. Beliau banyak menyatakan ketidaksetujuan terhadap beberapa pandangan tokoh-tokoh tersebut yang dianggap menyekat kebebasan wanita. Penulis juga menjelaskan secara terperinci tentang contoh-contoh hadis yang digunakan secara tidak adil, dan ayat-ayat al-Quran yang menjadi hujah secara selektif oleh para fundamentalis.

Kesimpulannya, *The Idea of Women in Fundamentalist Islam* telah digarap dengan baik secara ilmiah oleh penulisnya. Sembilan tokoh dan pandangan mereka terhadap wanita dibentangkan secara terperinci biarpun penulis menyusun mereka dalam bab-bab buku ini secara rawak sahaja. Namun begitu, didapati bahawa terdapat persamaan dan perbezaan di antara satu sama lain yang diketengahkan oleh penulis. Pemilihan sembilan tokoh ini juga dilihat wajar dan penulis ada menyatakan sebab memilih tokoh-tokoh tersebut sebagai golongan 'fundamentalis' sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Biarpun begitu, pengulas berpendapat bahawa Zaynab al-Ghazali tidak wajar dikategorikan sebagai 'fundamentalis' kerana terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa beliau adalah termasuk dalam kalangan 'Muslim feminis'. Namun, perjuangan Zaynab dalam menegakkan keadilan bagi kaum wanita adalah berdasarkan ajaran Islam dan bukan berdasarkan tuntutan normatif feminisme yang dipengaruhi Barat (Uthman, 2010).

Antara kelebihan yang dimiliki oleh buku ini adalah kandungannya yang komprehensif terhadap latar belakang setiap tokoh yang merangkumi kehidupan peribadi, pendidikan, penglibatan dalam politik, dan sumbangan mereka khususnya dalam isu yang melibatkan wanita. Walaupun buku ini bersifat akademik, tetapi ia bermanfaat bagi mereka yang ingin mengenali sembilan tokoh yang dilabel penulis sebagai fundamentalis sama ada di dalam mahupun di luar dunia akademik. Buku ini menggunakan sistem *endnote* dengan meletakkan nota rujukan dan nota tambahan pada akhir setelah semua bab dibentangkan secara terperinci. Glossari, diikuti dengan daftar rujukan dan indeks diletakkan di akhir buku. Namun begitu, kandungan buku ini lebih banyak disuarakan oleh pandangan peribadi penulis dan pembaca berhak untuk menerima atau menolak pandangan tersebut melalui bahan bacaan sokongan yang berkaitan. Buku ini pernah diulas oleh Shahnaz Khan (2005) dalam bahasa Inggeris, dan ia wajar untuk diulas dalam bahasa Melayu agar kandungannya dapat diteliti oleh masyarakat Melayu. Ulasan ini juga berpandangan bahawa label fundamentalis seharusnya tidak wajar ditujukan kepada individu yang tertentu kerana istilah tersebut telah menimbulkan stigma negatif dan memberi impak yang besar di dalam dunia kesarjanaan Islam.

Rujukan

Khan, Shahnaz (2005), "The Idea of Woman in Fundamentalist Islam: By Lamia Rustum Shehadeh (Gainesville: University Press of Florida, 2004. 321 pages.)," *American Journal of Islam and Society*, Jil. 22, Bil. 1, 109-112.

Uthman, Ibrahim Olatunde (2010), "A Triadic Re-Reading of Zaynab al-Ghazali and the Feminist Movement in Islam," *Islamic Studies*, Jil. 49, Bil. 1, 65-79.

